

03 AUG 1996

Mahathir - Langkawi

PM JAWAB RESOLUSI UMNO LANGKAWI 9 OGOS

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menjawab resolusi yang diluluskan oleh UMNO Bahagian Langkawi mengenai status bebas cukai pulau itu ketika melawat Langkawi 9 Ogos ini.

Perdana Menteri berkata beliau mahu mendengar lebih lanjut daripada anggota UMNO bahagian itu mengenai resolusi yang mendesak kerajaan persekutuan supaya menarik balik status bebas cukai pulau berkenaan.

"Saya hendak dengarlah apa dia resolusi ini, lepas itu saya akan bagi sedikit penerangan dan penjelasan mengenai perkara berkenaan," katanya ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti di sini hari ini.

Ahad lepas, persidangan perwakilan UMNO Bahagian Langkawi meluluskan resolusi itu dengan alasan kononnya status bebas cukai tidak membawa manfaat kepada penduduk pulau berkenaan.

Persidangan itu juga meluluskan resolusi supaya Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dibubarkan kerana kononnya agensi kerajaan persekutuan itu cuba mengambil alih peranan mentadbir dan menguruskan pulau berkenaan.

Mengenai pergaduhan yang berlaku pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Beaufort, Sabah, Sabtu lepas, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu kes terpencil.

Dr Mahathir, yang menganggap kes itu sebagai bukan trend dalam persidangan perwakilan bahagian, berkata UMNO Bahagian Beaufort dibenarkan menyambung semula agenda yang belum selesai esok.

Khamis lepas, Ketua UMNO Bahagian Beaufort, Datuk Lajim Haji Ukin, menyerahkan laporan bertulis dan rakaman video mengenai kejadian itu, yang membabitkan 30 anggota, kepada ibu pejabat parti untuk tindakan lanjut.

Dr Mahathir, yang juga Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Kedah, turut ditanya desas-desus kononnya persidangan perwakilan bahagian itu esok akan mengemukakan usul untuk memecat Timbalan Ketua Bahagian, Tan Sri Osman Aroff, yang juga bekas Menteri Kedah.

Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh memberi sebarang komen mengenainya sekarang kerana tidak mahu mempengaruhi para perwakilan.

-- BERNAMA

AH MAI